

Di Manakah Orang yang Telah Mati?

(Bahagian 1)

Berdasarkan bab 6 daripada buku *Apakah Sebenarnya Ajaran Bible?* yang terdapat di jw.org/ms.

TUJUAN: Tinjau apa yang anda percaya dan sebabnya, kaji apa yang diajarkan Bible, dan lihat bagaimana anda dapat menjelaskan kepercayaan anda kepada orang lain.



APAKAH YANG AKAN BERLAKU SELEPAS KITA MATI?

1 TINJAU KEPERCAYAAN ANDA

Apakah pandangan orang tentang hal ini?

Apakah kepercayaan *anda*?

Mengapakah anda berkata begitu?


Selepas kita mati, kita tidak wujud lagi.

(Lihat buku *Ajaran Bible*, bab 6, perenggan 1-6.)

Baca Pengkhotbah 9:5, 10.

Bagaimanakah ayat-ayat ini menunjukkan bahawa kita tidak mempunyai jiwa yang tidak dapat mati?

Apakah perumpamaan yang boleh anda gunakan untuk menjelaskan bahawa seseorang yang telah mati tidak *pergi* ke mana-mana dan tidak wujud lagi?



Api yang dipadamkan tidak *pergi* ke mana-mana. Api itu tiada lagi. Begitu juga, seseorang yang sudah mati tidak pergi ke mana-mana, dia tidak wujud lagi

Kematian adalah seperti keadaan seseorang yang tidur nyenyak tanpa bermimpi.

(Lihat buku *Ajaran Bible*, bab 6, perenggan 7, 8.)

Baca Yohanes 11:1-14.

Pada pandangan anda, mengapakah Yesus menyamakan kematian dengan tidur?

Baca Kisah 7:60 dan 1 Korintus 15:6.

Bagaimanakah ayat-ayat tersebut turut menunjukkan bahawa keadaan orang mati adalah seperti sedang tidur?

Mengapakah anda berasa lega selepas mengetahui keadaan sebenar orang yang telah mati?

3

JELASKAN KEPERCAYAAN ANDA

JIKA SESEORANG BERKATA...

Selepas mati, jiwa kita tetap hidup.

ANDA BOLEH MENJAWAB...

Terdapat banyak agama yang mengajarkan ajaran sedemikian. Tetapi saya percaya bahawa...

Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

Bagaimanakah anda akan menjelaskan ayat itu kepadanya?

JIKA SESEORANG BERKATA...

Tuhan menghukum orang yang jahat dalam api neraka.

ANDA BOLEH MENJAWAB...

Memang benar bahawa Tuhan akan menghukum orang yang jahat. Tetapi saya tidak percaya bahawa Dia akan menyeksa orang dalam api neraka kerana...

Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

Bagaimanakah anda akan menjelaskan ayat itu kepadanya?
